



PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA (MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-1 1031980 / WWW.PIKM.MY

Presiden
DATUK MOHAMMAD UBaidILLAH BIN ENAM @ IMAN

Timbalan Presiden
BRIG. JEN. DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)

Naib Presiden
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ. MAT AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN SHAH JAHANKHIR BIN HAMEED

Setiausaha Kehormat
HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

Bendahari Kehormat
DATIN MAHFUZH ZAKKIAH BINTI HJ ABDAIN

Penolong Setiausaha
ASSYANUR NASYRAH BINTI ISHAK

Penolong Bendahari
IR. SOFIA BINTI DATO' IR. JOHARI

Ahli-ahli Jawatankuasa
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH
ARIF IZUDDIN BIN MOHD RADZALI
DATUK AZLINDA BINTI ZUBIR
MEJAR JEN. DATO' PAHLAWAN HJ. ABU SUFIAN BIN HJ. AHMAD (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATO' MOHID BIN MOHAMED
AISHAH BINTI MAT DESA
DATUK M. SHANKER RAJ AYANGER
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

Juruaudit Dalam
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

Pengerusi WP Kuala Lumpur & Putrajaya
DATUK BALDEV SINGH KAILAY A/L DR KARPAL SINGH

Pengerusi Negeri Selangor
DATO' DR. S. PRABAKARAN

Pengerusi Negeri Johor
DATUK HJ. MHD. TAHIR B. HJ. MOHD NOAH

Pengerusi Negeri Perak
NOOR SUHAILA BINTI MARSIDI

Pengerusi Negeri Kelantan
MOHAMMAD ATIF NADDEEM BIN KAMAL

Pengerusi Negeri Terengganu
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

Pengerusi Negeri Pahang
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

Pengerusi Negeri Pulau Pinang
MUHAMMAD SYAFIQ B. HJ. ISHAK

Pengerusi Negeri Kedah & Perlis
DATO' HJ. MD ROSLI BIN HJ. ABD WAHAB

Pengerusi Negeri Melaka
DATO' SRI GAN PENG LAM

Pengerusi Negeri Sembilan
DATO' MOHAMED ASLAM BIN SERAJA DIN

Pengerusi Negeri Sabah
MOHD ISMAIL BIN HJ. AYOB

Pengerusi Negeri Sarawak
ABDUL HASSAN BIN BAKONG

Sekretariat

Pengurus Besar
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2024(57)

13 DISEMBER 2024

SEMUA AHLI PIKM (U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

MUSTAHAK & SEGERA

SURAT EDARAN PIKM KE- 57/2024: KEPERLUAN KUOTA PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa PIKM telah menerima pemakluman melalui surat daripada **Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri (KDN) bertarikh 10 Disember 2024**, rujukan: **KDN.K.S.600-3/21/6 jld.18 (8)** berhubung penyelarasan keperluan kuota pengawal keselamatan warganegara Nepal oleh ahli-ahli PIKM bagi tujuan penyediaan kertas kerja oleh pihak KDN kepada pihak pengurusan tertinggi KDN. Di dalam hal tersebut, Kementerian telah memohon kerjasama pihak PIKM sekali lagi untuk menyelaraskan keperluan kuota pengawal keselamatan warganegara Nepal oleh ahli PIKM.

3. Sehubungan itu, bagi ahli-ahli yang mempunyai keperluan atau tambahan bagi perkhidmatan pengawal keselamatan warganegara Nepal perlu mengemukakan data-data yang diperlukan pada atau sebelum tarikh **20 Disember 2024 (Jumaat), sehingga jam 5.00 petang** melalui pautan berikut **<https://forms.gle/K1m1jRoBjPg1XXGw9>**.

4. Semua data maklum balas daripada ahli PIKM akan dikumpulkan dan disusun sebelum dikemukakan kepada pihak KDN.

5. Syarikat perlu memastikan butiran dan maklumat yang dikemukakan adalah tepat mengikut arahan syarat dan kriteria oleh pihak Kementerian seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


DATUK MOHAMMAD UBaidILLAH BIN ENAM @ IMAN
PRESIDEN

SYARAT DAN KRITERIA KELAYAKAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING

Sektor / Subsektor : PERKHIDMATAN / PENGAWAL KESELAMATAN
Kementerian : KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Jabatan / Bahagian : BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

SYARAT PERMOHONAN KUOTA:

1. Jumlah kuota yang dimohon oleh syarikat hendaklah logik dan mengikut keperluan semasa syarikat. Dalam hal ini, pengiraan kelayakan akan dilaksanakan bagi menentukan kelayakan kuota.
2. Syarikat mempunyai **keupayaan kewangan dengan baki terkini minimum RM300,000.00 dalam penyata kewangan bank (3 bulan)** (berdasarkan anggaran purata keupayaan syarikat untuk mengambil 30 orang pengawal keselamatan asing setahun) dengan mengambil kira bayaran-bayaran untuk pemprosesan pengambilan dan penggajian pekerja asing untuk sektor perkhidmatan seperti berikut;
 - a. bayaran 3 bulan gaji (mengikut gaji minimum);
 - b. pemeriksaan FOMEMA;
 - c. bayaran levi;
 - d. bayaran proses di Jabatan Imigresen Malaysia;
 - e. bayaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS);
 - f. visa bagi warganegara Nepal; dan
 - g. lain-lain bayaran yang dikenakan (contoh: kos agensi pekerjaan swasta).
3. Syarikat kawalan keselamatan yang pernah **disabitkan dengan kesalahan menggaji pengawal keselamatan warga asing haram atau PATI dalam tempoh dua (2) tahun** dari tarikh permohonan kuota pengawal keselamatan warganegara Nepal adalah tidak layak untuk dipertimbangkan.
4. Semua syarikat Agensi Persendirian yang ingin menggajikan pekerja asing perlu mendapatkan kelulusan awal Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955. Syarikat yang tidak memperolehi kelulusan daripada JTKSM tidak dibenarkan untuk membuat permohonan pengambilan pekerja asing.

5. Kuota yang telah diluluskan dan masih mempunyai baki sebelum pembekuan, tidak lagi boleh digunakan. Sehubungan itu, syarikat perlu mengemukakan permohonan baharu sahaja sekiranya permohonan kuota dibuka kelak.

SYARAT-SYARAT PENGAMBILAN PENGAWAL KESELAMATAN WARGANEGARA NEPAL:

1. Kelulusan pengambilan warganegara Nepal sebagai pengawal keselamatan hanya **sah untuk tempoh setahun (12) bulan** dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sekiranya syarikat Agensi Persendirian gagal mendapatkan pengawal keselamatan atau tidak menggunakan keseluruhan jumlah pengambilan yang telah diluluskan dalam tempoh tersebut, maka kelulusan ini akan terbatal dengan sendirinya dan sebarang **permohonan perlanjutan kelulusan adalah tidak dibenarkan** selepas tempoh tersebut;

2. Calon pengawal keselamatan warganegara Nepal berkenaan hendaklah mendapatkan visa dan telah melalui semua proses saringan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan sebelum dibawa masuk ke Malaysia;

3. Syarikat juga wajib menghantar semua pengawal keselamatan warganegara Nepal **menghadiri program latihan *Trained Nepalese Guards (TNG)*** yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Persatuan Industri Keselamatan Malaysia (PIKM) **dalam tempoh dua (2) bulan setelah memasuki negara**. Syarat ini juga diwajibkan kepada syarikat yang mengemukakan permohonan untuk melanjutkan perkhidmatan pengawal keselamatan warganegara Nepal sedia ada untuk tahun ke-4 dan ke-5 yang belum menghadiri program latihan TNG;

4. Pengawal keselamatan Nepal dibenarkan untuk bekerja bagi tempoh sepuluh (10) tahun berdasarkan format 3+2+2+2+1. Walau bagaimanapun, selepas tempoh tiga (3) tahun, **permohonan lanjutan bekerja untuk tahun keempat (4) dan kelima (5), keenam (6) dan ketujuh (7), kelapan (8) dan kesembilan (9) dan kesepuluh (10) hendaklah dikemukakan kepada KDN** dan ianya adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan pihak KDN. Permohonan hendaklah dikemukakan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh permit;

5. Pengawal keselamatan warganegara Nepal **tidak dibenarkan bertugas di mana-mana sasaran penting negara dan sebagai pengawal keselamatan bersenjata (*Armed Security Guard*)**;

6. Syarikat Agensi Persendirian tidak boleh melakukan sebarang perlakuan atau aktiviti yang boleh disifatkan sebagai suatu kesalahan di bawah **Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM 2007)**;
7. Pengawal keselamatan warganegara Nepal yang diluluskan untuk syarikat yang memohon tidak boleh diserahkan untuk bertugas secara langsung atau tidak langsung dengan syarikat kawalan keselamatan lain;
8. Syarikat juga tidak dibenarkan menggunakan pengawal keselamatan dari syarikat lain untuk bekerja secara langsung atau tidak langsung di syarikat sendiri;
9. Kelulusan pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal juga adalah tertakluk kepada mana-mana Akta lain yang berkaitan dan peraturan-peraturan Jabatan Imigresen Malaysia;
10. Kelulusan pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal juga adalah tertakluk kepada syarat-syarat lain yang ditetapkan dari masa ke semasa oleh KDN; dan
11. Kelulusan pengambilan pengawal keselamatan warganegara Nepal juga **boleh dibatalkan pada bila-bila** masa dan syarikat bertanggungjawab untuk menghantar pulang pekerja ke negara asal serta memaklumkan kepada pihak pelanggan.